

06/05/2003

Berhemah kemukakan tuntutan

DALAM suasana ekonomi tidak menentu selepas pencerobohan ke atas Iraq yang diburukkan lagi dengan menularnya Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), kesannya turut tidak terhindar daripada Malaysia. Terutama dalam sektor pelancongan, pengangkutan dan perhotelan, sudah ada ura-ura majikan mahu melaksanakan pemotongan gaji bagi mengurangkan kos. Berlatarbelakangkan senario seperti itu, bukan saja tidak wajar untuk kakitangan awam mengharapkan kenaikan gaji, malah amat tidak bertepatan dengan masa dan keadaan. Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan (Cuepacs) nampaknya amat memahami keadaan itu untuk tidak memanjangkan isu berkenaan.

Kerajaan hanya boleh memenuhi sebarang tuntutan kenaikan gaji berdasarkan kedudukan kewangannya. Kenaikan gaji pada 2000 dan 2001, pembayaran bonus serta pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) mulai tahun lalu adalah bukti keprihatinan kerajaan dalam keadaan ia berkemampuan. Seperti dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ia tidak harus dibebankan ke atas kerajaan untuk memberi kenaikan gaji setiap tahun tanpa mengambil kira apa juga keadaan persekitaran kerana peningkatan kos sara hidup yang disebabkannya tidak akan menguntungkan sesiapa. Budaya kerja cemerlang hendaklah sentiasa diamalkan tanpa terlalu berkait dengan tuntutan tidak bersesuaian.